

23 DEC 2001

Mahathir-MCA

DR MAHATHIR MAHU TEMUI ONG TEE KIAT SELESAIKAN MASALAH MCA

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan masalah dalaman dalam MCA sebagai serius dan berharap dapat menemui Ketua Pemuda MCA Datuk Ong Tee Kiat bagi mencari jalan menyelesaikan masalah itu.

"Saya berharap dapat menemui (Ong) Tee Kiat sekali lagi," katanya pada persidangan media selepas merasmikan PNB Darby Park, pangsapuri dengan perkhidmatan milik Permodalan Nasional Berhad (PNB) di Jalan Binjai, di sini malam ini.

Beliau ditanya mengenai pandangannya terhadap masalah dalaman MCA termasuk tindakan Jawatankuasa Pusat parti itu menggantung jawatankuasa pusat Pemuda MCA pimpinan Ong pada Khamis lepas.

Dr Mahathir berkata, beliau sebelum ini pernah menemui Ong dan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik bagi mendapatkan penjelasan lebih lanjut mengenai masalah dalaman dalam MCA membabitkan kedua-dua pemimpin itu.

Bagaimanapun, kedua-dua pihak agak keberatan untuk bertolak ansur dan menyelesaikan masalah yang berlaku, kata beliau.

Perdana Menteri berkata beliau hanya boleh memberi nasihat bagi menyelesaikan masalah yang berlaku tetapi usaha selebihnya adalah di luar bidang kuasanya.

Dr Mahathir yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, MCA sebagai parti kedua terbesar dalam BN dan isu yang berlaku dalam parti itu perlu diberi perhatian serius.

Mengenai kemungkinan masalah dalaman parti itu menjejaskan BN dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan, Dr Mahathir yakin BN mampu menguruskan persiapan bagi menghadapi pilihan raya kecil itu.

Sementara itu ketika diminta mengulas isu pengasingan murid mengikut kaum seperti didakwa Kesatuan Kebangsaan Perkhidmatan Perguruan (NUTP) Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak perlu menubuhkan tribunal khas bagi menyasat dakwaan itu.

Beliau ditanya mengenai kemungkinan satu tribunal khas perlu ditubuhkan bagi menyasat isu berkenaan.

Katanya, isu itu boleh diselesaikan menerusi cara pentadbiran sekiranya memang berlaku kerana tindakan mengasingkan pelajar mengikut sesuatu kaum bukan merupakan dasar kerajaan.

Beliau berkata kerajaan, sentiasa berada dalam keadaan sukar kerana apabila berhasrat mahu mengadakan sekolah yang sama di kalangan pelajar pelbagai kaum tetapi mendapat bantahan yang kuat.

Pelbagai pihak juga akan membantah sekiranya kerajaan mahu mengasingkan pelajar mengikut kaum, katanya.

Pada 14 Dis lepas, isu pengasingan pelajar diketengahkan oleh Biro Pendidikan Pemuda MIC yang mendakwa seorang bapa mengadu sekolah di Pelabuhan Klang mengamalkan pendekatan mengasingkan pelajar berdasarkan kaum.

Pada 19 Dis lepas, Setiausaha agung NUTP, N. Siva Subramaniam pula mendedahkan senarai 27 sekolah yang dikatakan mengamalkan dasar pemisahan itu setelah dicabar oleh Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed supaya mendedahkan nama sekolah yang kesatuan itu dakwa mengamalkan pengasingan pelajar.

-- BERNAMA

RZS RZS FAZ